WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Pengerang) 2026

Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / *By-Laws*
Nombor Sumber Kuasa	**PERINTAH 3**
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	**J. P.U. 37 / 2026**
Tarikh Persetujuan	**01 April 2026** Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor Ringkasan Mesyuarat Bilangan 7711 Tahun 2026
Tarikh Warta	**13 Ogos 2026**
Tarikh Kuat Kuasa	**13 Ogos 2026**
Tarikh Kelulusan	**09 September 2026** Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Majlis Perbandaran Pengerang Bilangan 9 Tahun 2026
Tarikh Pengesahan	**23 September 2026** Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Pengerang Bilangan 9 Tahun 2026

UNIT UNDANG-UNDANG
MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70 No. 33	**13hb Ogos 2026**	*TAMBAHAN No. 18* *PERUNDANGAN*

J. P.U. 37.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

[*Akta 333*]

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA) (MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2026

SUSUNAN PERINTAH

Perintah

1. Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa
2. Tafsiran
3. Peruntukan bagi tempat letak kereta, tempat letak kereta sewa dan teksi dan tempat letak bas
4. Larangan meletak kenderaan bermotor kecuali di tempat letak kereta
5. Pematuhan syarat
6. Jenis-jenis sistem tempat letak kereta
7. Petak-petak letak kereta
8. Cara meletak kenderaan bermotor
9. Larangan meletak kenderaan bermotor tanpa membuat bayaran caj letak kereta yang ditetapkan
10. Anggapan
11. Larangan terhadap meletak motosikal di petak letak kereta
12. Pelantikan Pembantu Penguat Kuasa, warden lalu lintas dan pengendali letak kereta
13. Peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat perlu dipatuhi
14. Tempat letak kereta terkawal
15. Kawasan operasi tempat letak kereta berkupon atau berbayar atau tempat letak kereta terkawal
16. Cara bayaran yang ditetapkan oleh Majlis
17. Pengeluaran kupon letak kereta
18. Peraturan-peraturan dan syarat-syarat bagi menggunakan kupon letak kereta atau aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis

19. Peraturan-peraturan dan syarat-syarat menggunakan petak letak kereta orang kurang upaya

20. Tempat-tempat meletak kenderaan bermotor

21. Cara mempamerkan kupon letak kereta

22. Cara menggunakan aplikasi mudah alih letak kereta pintar

23. Pengiraan masa meletak kenderaan bermotor

24. Masa permulaan

25. Kesalahan terus-menerus meletak sesuatu kenderaan bermotor setelah tamat tempoh yang ditetapkan

26. Pas bulanan

27. Petak letak kereta bermusim

28. Petak letak kereta sementara

29. Tempat letak kereta tempoh terhad

30. Syarat dan sekatan terhadap meletak kenderaan bermotor di tempat letak kereta tempoh terhad

31. Penguatkuasaan tempat letak kereta tempoh terhad

32. Penggantungan penggunaan tempat letak kereta atau petak letak kereta

33. Halangan dan pengalihannya

34. Pelupusan barang atau benda mudah rosak

35. Pelupusan kenderaan bermotor, motosikal, barang atau benda yang tidak mudah rosak

36. Kenderaan bermotor atau motosikal dialih selepas dua puluh empat (24) jam

37. Kenderaan bermotor yang dikecualikan

38. Kuasa mengalih dan menahan oleh Yang Dipertua

39. Perhatian terhadap keselamatan kenderaan bermotor atau motosikal lain

40. Tiada pemulangan lebihan bayaran letak kereta

41. Larangan membaiki kenderaan bermotor atau motosikal

42. Larangan mencuci atau membersih kenderaan bermotor atau motosikal

43. Larangan mengarah pemandu untuk meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta tanpa kuasa sah

44. Kenderaan bermotor tidak bertunggu atau rosak

45. Orang yang dibenarkan berada di petak letak kereta di tempat letak kereta

46. Larangan berdagang, berniaga atau berjaja

47. Larangan meletak iklan jualan di kenderaan

48. Tanggungjawab pemunya berdaftar kenderaan bermotor atau motosikal

49. Penyediaan papan tanda

50. Pengecualian dan tanggungan atas kehilangan, kerugian atau kerosakan

51. Larangan mengalih notis atau peringatan

52. Kecemasan

53. Kesalahan-kesalahan lain

54. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan

55. Tawaran mengkompaun

56. Penyampaian notis

57. Pendakwaan

58. Penalti

59. Borang bagi Notis Kesalahan serta Tawaran Kompaun

JADUAL PERTAMA - TEMPAT LETAK KERETA

JADUAL KEDUA - TEMPAT LETAK KERETA SEWA ATAU TEKSI

JADUAL KETIGA - TEMPAT LETAK BAS

JADUAL KEEMPAT - NOTIS KESALAHAN SERTA TAWARAN KOMPAUN

JADUAL KELIMA - PETAK LETAK KERETA SEMENTARA

JADUAL KEENAM - TEMPAT LETAK KERETA TEMPOH TERHAD

JADUAL KETUJUH - FI PENGALIHAN DAN PENAHANAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Majlis Perbandaran Pengerang sebagai pihak berkuasa berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Majlis, dengan persetujuan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Pengerang) 2026** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Perbandaran Pengerang.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

(3) Perintah ini tidaklah terpakai bagi mana-mana ambulans, kenderaan bomba, kenderaan rasmi angkatan tentera atau polis, kenderaan pejabat pos atau kenderaan pihak berkuasa yang berkenaan.

(4) Yang Dipertua boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengecualikan mana-mana badan atau orang dari membayar apa-apa bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Perintah ini.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

"aplikasi" ertinya sebuah perisian aplikasi yang direka untuk digunakan di peranti mudah alih termasuk telefon pintar, komputer riba, tablet atau apa-apa bentuk peranti mudah alih yang lain;

"aplikasi mudah alih letak kereta pintar" ertinya suatu aplikasi yang boleh dimuat turun melalui gedung aplikasi "*App Store*", "*Google Play*" atau "*Huawei AppGallery*", atau apa-apa bentuk aplikasi lain yang diiktiraf oleh Majlis di mana bayaran letak kereta boleh dibuat melalui aplikasi pembayaran dalam talian atau apa-apa kaedah pembayaran lain yang digunakan dengan melengkapkan apa-apa maklumat yang diperlukan;

"aplikasi pembayaran dalam talian" ertinya suatu aplikasi dalam talian yang ditetapkan dan diluluskan oleh Majlis untuk diguna pakai sebagai suatu kaedah pembayaran semasa meletakkan kenderaan bermotor di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta kecuali di petak letak kereta khas;

"bas" ertinya sebuah bas yang biasanya berulang-alik mencari sewa antara tempat-tempat yang dituju di dalam dan luar kawasan Majlis;

"caj letak kereta yang ditetapkan" ertinya apa-apa bayaran yang ditetapkan dalam Jadual-jadual itu;

"dompet digital" juga dikenali sebagai "e-dompet" merupakan satu sistem pembayaran elektronik berfungsi termasuk akaun bank, wang simpanan, kad debit atau kredit dalam satu rangkaian dengan menggunakan aplikasi di telefon pintar, peranti pintar, komputer riba, tablet atau apa-apa bentuk peranti mudah alih lain untuk tujuan pembayaran letak kereta bagi suatu kenderaan bermotor yang diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta;

"elektronik" ertinya penggunaan peranti yang berfungsi dengan kawalan elektrik, *optik, magnetik, elektromagnetik, biometrik, photonik* atau teknologi seumpamanya;

"halangan" ertinya mana-mana orang atau sesiapa yang menghalang atau menyebabkan apa-apa halangan di mana-mana petak letak kereta atau tempat letak kereta yang diwartakan di dalam Perintah ini yang diletakkan bukan bagi tujuan meletak kenderaan bermotor;

"jalan" termasuklah sesuatu jalan, rizab jalan, medan, siar kaki atau jalan lalu, jalan susur, lorong belakang, lorong tepi, sama ada jalan-tembus atau tidak, di atas mana orang ramai berhak lalu, dan juga jalan di atas sesuatu jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberi kesan sepenuhnya kepada penggunaannya, dan juga termasuklah sesuatu jalan, siar kaki atau jalan lalu, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka, yang digunakan atau dicadang untuk digunakan sebagai suatu jalan masuk kepada dua buah pegangan atau lebih, sama ada orang ramai berhak lalu di atasnya atau tidak; dan semua saluran, parit, longkang, tanah rizab di sisi mana-mana jalan dan mana-mana jalan yang diselenggara oleh Majlis hendaklah disifatkan sebahagian daripada jalan itu;

"jam" termasuklah sebahagian daripada satu jam;

"Kad OKU" ertinya kad yang dikeluarkan di bawah seksyen 25 Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*];

"kenderaan bermotor" ertinya kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, tetapi tidak termasuk apa-apa juga motosikal atau apa-apa jenis motor skuter, basikal elektrik atau kenderaan mikromobiliti;

"kenderaan bermotor orang kurang upaya" ertinya kenderaan bermotor yang digunakan oleh orang kurang upaya atau bagi tujuan membawa orang kurang upaya;

"kereta sewa atau teksi" ertinya sebuah kereta sewa atau teksi atau yang biasanya berulang-alik mencari sewa ke tempat-tempat yang dituju di dalam dan luar kawasan Majlis;

"kupon letak kereta" ertinya suatu kupon yang dikeluarkan oleh Majlis atau pengendali letak kereta, yang di atasnya tercatat kadar bayaran, tempoh masa dan tarikh bagi membenarkan kenderaan bermotor diletakkan di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta, kecuali tempat letak kereta terkawal atau petak letak kereta bermusim atau petak letak kereta khas untuk tempoh masa yang tersebut pada tarikh itu;

"lorong belakang" termasuklah tiap-tiap lorong belakang sama ada yang sedia ada atau yang akan ada kemudian daripada ini dan mana-mana bahagiannya dan apa-apa jalan masuk kepadanya dan semua tanah yang telah pun atau yang kemudian daripada ini diambil atau diasingkan untuk atau disusun atur sebagai lorong belakang dan semua alur, parit dan apa-apa yang berkaitan dengan suatu lorong belakang;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Pengerang;

"meletak kenderaan bermotor" ertinya membawa suatu kenderaan bermotor ke keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan menunggu bagi apa-apa maksud selain daripada mengambil atau menurunkan dengan serta-merta orang, barang atau bagasi;

"motosikal" ertinya sesebuah kereta motor beroda kurang dari empat, dan berat tanpa muatannya tidak lebih daripada lapan ratus berat;

"Notis Kesalahan serta Tawaran Kompaun" ertinya notis sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;

"orang" termasuklah suatu syarikat, perkongsian, kumpulan orang dan perbadanan tunggal;

"orang kurang upaya" atau ringkasnya "OKU" termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat;

"pas bulanan" ertinya pas yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua atau pengendali letak kereta kepada mana-mana orang, individu, syarikat atau firma dalam bentuk pelekat (*sticker*) atau melalui sistem yang diguna pakai oleh Majlis atau apa-apa medium lain yang akan diguna pakai oleh Majlis dari semasa ke semasa yang menunjukkan maklumat antara lainnya termasuklah nombor pendaftaran kenderaan bermotor, tempoh sah pas bulanan dan bayaran yang ditetapkan bagi meletakkan kenderaan bermotor di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta dalam kawasan Majlis seperti yang dinyatakan di bawah perintah 26;

"pegawai yang diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"Pembantu Penguat Kuasa" ertinya pegawai atau pekerja Majlis yang dilantik untuk melakukan kerja-kerja penguatkuasaan Perintah ini di tempat letak kereta termasuklah lain-lain pegawai atau pekerja Majlis yang dilantik bagi tujuan tersebut;

"pengendali letak kereta" ertinya mana-mana pihak pengendali letak kereta yang dilantik oleh Majlis bagi maksud Perintah ini melalui apa-apa tawaran atau perjanjian yang dibuat di antara Majlis dan pihak pengendali letak kereta tersebut dan termasuklah mana-mana Pembantu Penguat Kuasa atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak Majlis untuk menyelia, mengurus atau menjaga mana-mana tempat letak kereta dan memungut bayaran yang ditetapkan oleh Majlis;

"pengguna petak letak kereta bermusim" ertinya mana-mana pemilik premis perniagaan yang telah menggunakan petak letak kereta bermusim untuk tujuan meletak kenderaan atau sebagai laluan keluar masuk di petak letak kereta tersebut;

"petak letak kereta" ertinya suatu petak yang ditandakan dengan garisan bercat, tatahan, tanda atau tanda lain di tempat letak kereta bagi tujuan meletakkan suatu kenderaan bermotor di atasnya;

"petak letak kereta bermusim" ertinya suatu petak letak kereta yang telah ditandakan dengan perkataan "RIZAB" atau apa-apa tanda lain di mana hanya kenderaan bermotor yang telah dibeli pas letak kereta bermusim baginya boleh diletakkan:

"petak letak kereta khas" ertinya suatu petak yang terdapat padanya pili bomba atau kotak suis Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau petak yang dikhaskan untuk meletakkan kenderaan bomba atau kenderaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau mana-mana kenderaan pekerjaan awam yang dikecualikan oleh Yang Dipertua daripada apa-apa bayaran yang ditetapkan;

"petak letak kereta orang kurang upaya" ertinya suatu petak yang padanya dikhaskan untuk diletakkan kenderaan bermotor orang kurang upaya dan mana-mana kenderaan bermotor selain dari kenderaan bermotor orang kurang upaya adalah tidak dibenarkan untuk diletakkan di petak itu;

"petak letak kereta sementara" ertinya suatu petak letak kereta yang dibenarkan untuk digunakan oleh peniaga atau mana-mana orang bagi tujuan perniagaan atau apa-apa tujuan lain;

"sistem aplikasi mudah alih letak kereta pintar" ertinya sistem aplikasi dalam talian yang diguna pakai untuk meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta;

"sistem letak kereta berkupon" ertinya suatu sistem bagi mempamer kupon letak kereta pada kenderaan bermotor yang diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta;

"tempat awam" termasuklah semua jalan raya awam, lebuh, jalan, jambatan, medan, gelanggang, lorong-lorong, kaki lima, siar kaki, perarakan, dermaga, jeti, pengkalan, sungai, anak sungai, terusan, parit tali air, taman awam atau tanah lapang dan tiap-tiap pawagam, pelbagai jenis tempat hiburan awam atau tempat-tempat kunjungan awam di mana dikenakan pembayaran untuk memasuki ke dalam atau di mana orang ramai bebas masuk termasuk tandas awam, pondok menunggu bas dan teksi, pondok telefon, perhentian bas dan perhentian teksi yang terdapat dalam kawasan Majlis;

"tempat letak bas" ertinya suatu kawasan yang diperihalkan dalam ruang (2) Jadual Ketiga untuk meletak bas dengan suatu caj yang ditetapkan oleh Majlis sepertimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Ketiga;

"tempat letak kereta" ertinya segala petak letak kereta di jalan-jalan, jalan sisian, lorong, tanah, bangunan, kawasan atau tempat yang diperihalkan di dalam Jadual Pertama sebagai tempat di mana kenderaan bermotor boleh diletakkan;

"tempat letak kereta berkupon atau berbayar" ertinya segala petak letak kereta di tempat letak kereta yang berkuat kuasa di atasnya sistem letak kereta berkupon atau sistem aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau tempat letak kereta terkawal atau apa-apa bentuk sistem lain yang diguna pakai oleh Majlis untuk meletak kenderaan bermotor di tempat letak kereta seperti yang dibutirkan dalam Jadual Pertama;

"tempat letak kereta sewa atau teksi" ertinya suatu tempat letak kereta yang diperihalkan dalam ruang (2) Jadual Kedua di mana suatu kereta sewa atau teksi boleh diletakkan di tempat itu bagi maksud menanti penumpang-penumpang dengan suatu caj yang ditetapkan oleh Majlis sepertimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Kedua;

"tempat letak kereta tempoh terhad" ertinya suatu petak letak kereta yang dihadkan tempohnya untuk satu-satu masa yang ditetapkan dan ditandakan dengan apa-apa tanda atau warna yang ditentukan oleh Majlis;

"tempat letak kereta terkawal" ertinya suatu tempat letak kereta bagi meletak kenderaan bermotor di mana waktu masuk dan keluar dikawal oleh pengendali letak kereta atau dengan menggunakan mesin letak kereta elektronik atau berpalang atau apa-apa peralatan atau sistem lain dan tempoh lamanya meletak kenderaan bermotor dikira dari waktu masuk hingga waktu keluar seperti dibutirkan dalam Jadual Pertama;

"tempat letak motosikal" ertinya suatu tempat meletak motosikal selain dari tempat letak kenderaan bermotor yang telah disediakan oleh pihak Majlis bagi tujuan meletakkan motosikal;

"warden lalu lintas" ertinya mana-mana orang yang dilantik sebagai warden lalu lintas oleh Yang Dipertua sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]; dan

"Yang Dipertua" ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang dengan sah di sisi undang-undang termasuklah Setiausaha.

Peruntukan bagi tempat letak kereta, tempat letak kereta sewa atau teksi dan tempat letak bas

3. (1) Yang Dipertua adalah dengan ini membuat peruntukan bahawa–

(*a*) jalan, sepanjang jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama adalah merupakan tempat letak kereta bagi kenderaan bermotor dan bukannya tempat letak kereta sewa atau teksi atau tempat letak bas;

(*b*) jalan, sejajaran jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua adalah tempat letak kereta sewa atau teksi; dan

(*c*) tempat yang dinyatakan di dalam ruang (2) Jadual Ketiga adalah tempat letak bas atau kawasan untuk meletakkan bas,

dan peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dipakai baginya.

(2) Majlis dengan ini boleh mengadakan tempat letak kereta di atas mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan, lorong atau lorong belakang yang berada di bawah bidang kuasa pentadbiran Majlis bagi tujuan tempat letak kereta.

(3) Berhubung dengan kereta sewa atau teksi dan bas yang menggunakan tempat letak kereta sewa atau teksi dan tempat letak bas itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Majlis dan sesiapa yang menggunakan tempat-tempat itu hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dikenakan itu.

Larangan meletak kenderaan bermotor kecuali di tempat letak kereta

4. Tiada seorang pun boleh meletak suatu kenderaan bermotor, menyebabkan, membenarkan mana-mana kenderaan bermotor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di petak letak kereta di tempat letak kereta yang disediakan oleh Majlis.

Pematuhan syarat

5. Mana-mana orang yang meletak kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis bagi penggunaan tempat letak kereta itu.

Jenis-jenis sistem tempat letak kereta

6. Dalam menyediakan tempat letak kereta, Majlis hendaklah mempunyai budi bicara untuk menetapkan dan melaksanakan jenis-jenis sistem tempat letak kereta termasuk sistem letak kereta berkupon, sistem aplikasi mudah alih letak kereta pintar, tempat letak kereta terkawal atau apa-apa bentuk sistem lain yang diguna pakai oleh Majlis untuk meletak kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta yang disifatkan sesuai dan cara-cara bagaimana ia akan dikendalikan dan pemandu atau pemunya kenderaan bermotor hendaklah mematuhi penetapan yang dibuat oleh Majlis.

Petak-petak letak kereta

7. (1) Sesuatu tempat letak kereta boleh dibahagi-bahagikan kepada beberapa petak letak kereta dan bagi maksud menentukan petak-petak letak kereta itu, Yang Dipertua hendaklah mengarahkan agar tiap-tiap satu petak letak kereta itu ditunjukkan dengan garisan bercat, tatahan, tanda atau lain-lain tanda.

(2) Suatu papan tanda atau papan kenyataan hendaklah didirikan di tempat letak kereta dan padanya itu hendaklah diletakkan atau dipamerkan suatu notis menyatakan mana-mana isi Perintah ini.

Cara meletak kenderaan bermotor

8. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis hendaklah meletakkan kenderaan bermotor dengan cara yang berikut:

(*a*) kedudukan kenderaan bermotor itu hendaklah diletakkan secara keseluruhannya berada di dalam petak letak kereta;

(*b*) kenderaan bermotor itu hendaklah diletakkan mengikut arah lalu lintas yang ditetapkan;

(*c*) kenderaan bermotor itu hendaklah mematuhi isyarat lalu lintas yang ditunjukkan di tempat letak kereta;

(*d*) pemandu kenderaan bermotor hendaklah memastikan keadaan kenderaan bermotor tidak bergerak dan berhenti sebaik sahaja berada di petak letak kereta; dan

(*e*) kenderaan bermotor itu hendaklah tidak menghalang garisan petak letak kereta yang telah ditandakan.

(2) Jika mana-mana kenderaan bermotor yang diletak di petak letak kereta melanggar subperintah (1), mana-mana Pembantu Penguat Kuasa atau pengendali letak kereta atau warden lalu lintas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai polis yang beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih kenderaan bermotor itu supaya kedudukannya mematuhi subperintah (1) dan pemandu atau pemunya kenderaan bermotor itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang sah di sisi undang-undang yang diberikan oleh Pembantu Penguat Kuasa atau pengendali letak kereta atau warden lalu lintas atau pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang beruniform itu.

Larangan meletak kenderaan bermotor tanpa membuat bayaran caj letak kereta yang ditetapkan

9. (1) Tiada seorang pun boleh meletak mana-mana kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta tanpa membuat bayaran caj letak kereta yang ditetapkan dalam ruang (4) Jadual Pertama mengikut masa-masa terkawal dalam ruang (6) Jadual Pertama.

(2) Mana-mana orang yang tidak membuat bayaran caj letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan.

Anggapan

10. Bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Perintah ini, mana-mana orang yang gagal mengemukakan bukti bayaran yang ditetapkan bagi tempoh kenderaan bermotornya diletakkan di petak letak kereta hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah meletakkan kenderaan bermotornya di petak letak kereta tanpa membayar caj letak kereta yang ditetapkan dan adalah melakukan suatu kesalahan.

Larangan terhadap meletak motosikal di petak letak kereta

11. (1) Tiada sesiapa pun boleh meletak motosikal dalam suatu petak letak kereta selain dari tempat letak motosikal yang telah disediakan oleh Majlis.

(2) Jika mana-mana motosikal diletakkan pada suatu petak letak kereta, maka–

(*a*) Yang Dipertua atau Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Menteri boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun kesalahan yang dilakukan dengan mendapatkan bayaran yang tidak lebih daripada bayaran yang ditetapkan di bawah subperintah 55(7);

(*b*) Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengalih dan menahan motosikal tersebut, dan pemunya boleh menuntut motosikal tersebut dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh pengalihan dan penahanan itu daripada Yang Dipertua setelah menjelaskan kepada Majlis semua bayaran dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan dan penahanan itu.

(3) Yang Dipertua hendaklah tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku kepada motosikal itu semasa pengalihannya dan semasa dalam jagaan Yang Dipertua.

Pelantikan Pembantu Penguat Kuasa, warden lalu lintas dan pengendali letak kereta

12. (1) Majlis boleh melantik seorang atau lebih Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas untuk bertugas di mana-mana tempat letak kereta.

(2) Majlis boleh melantik mana-mana pengendali letak kereta untuk mengawal selia dan menguruskan pelaksanaan tempat letak kereta yang disediakan oleh Majlis sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi maksud Perintah ini.

(3) Majlis boleh melantik mana-mana pengendali letak kereta untuk menyediakan sistem aplikasi dan/atau membekalkan peralatan dan aplikasi perisian untuk pelaksanaan aplikasi mudah alih letak kereta pintar sebagaimana yang difikirkan perlu dan suai manfaat bagi maksud Perintah ini.

(4) Bagi maksud Perintah ini, "pengendali letak kereta" bermaksud mana-mana individu, syarikat atau firma yang dilantik oleh Majlis melalui apa-apa perjanjian yang dibuat oleh pihak Majlis dengan pengendali letak kereta bagi menjalankan kerja-kerja seperti yang dinyatakan di bawah subperintah (2) dan (3).

Peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat perlu dipatuhi

13. (1) Sesiapa yang meletakkan kenderaan bermotor di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta hendaklah mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan tempat letak kereta tersebut.

(2) Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya meletakkan suatu kenderaan yang bukan kenderaan bermotor di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta.

(3) Sesiapa jua yang meletakkan kenderaan bermotor di suatu petak letak kereta bermusim atau petak letak kereta sementara hendaklah mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan petak letak kereta bermusim atau petak letak kereta sementara tersebut.

(4) Sesiapa jua yang meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta yang menggunakan sistem letak kereta berkupon hendaklah mempamerkan kupon letak kereta yang dikeluarkan oleh Majlis atau syarikat pengendali di atas papan pemuka kenderaan bermotor dan kupon letak kereta itu hendaklah mempunyai tarikh dan masa permulaan kenderaan bermotor tersebut diletakkan.

(5) Mana-mana orang yang menggunakan sistem aplikasi mudah alih letak kereta pintar hendaklah melakukan pembayaran caj letak kereta yang ditetapkan melalui aplikasi pembayaran dalam talian dan hendaklah melengkapkan maklumat yang tepat ke dalam aplikasi termasuklah nama kawasan, taman dan jalan, nombor pendaftaran kenderaan, tempoh masa meletak kenderaan bermotor, pilihan cara bayaran dan ciri-ciri lain, jika ada, yang diguna pakai dalam aplikasi tersebut.

(6) Mana-mana orang yang menggunakan pas bulanan hendaklah mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan pas bulanan tersebut.

Tempat letak kereta terkawal

14. (1) Mana-mana orang yang menggunakan tempat letak kereta terkawal hendaklah memberhentikan kenderaan bermotornya di pintu masuk tempat tersebut bagi membolehkan pengendali letak kereta mencatatkan butiran-butiran mengenai kenderaan bermotornya dan waktu masuk. Pengendali letak kereta kemudiannya akan memberikan kepada pemandu kenderaan bermotor itu satu salinan tiket meletak kereta dan membenarkan pemandu itu meletakkan kenderaan bermotornya di tempat letak kereta terkawal. Adalah menjadi tanggungjawab pemandu menyimpan tiket tersebut yang mana akan ditunjukkan kepada pengendali letak kereta di pintu keluar tempat letak kereta terkawal tersebut dan membayar kadar meletak kereta kepada pengendali letak kereta itu.

(2) Mana-mana orang yang menggunakan tempat letak kereta terkawal yang menggunakan mesin letak kereta elektronik atau berpalang atau apa-apa peralatan atau sistem lain hendaklah memberhentikan atau memperlahankan kenderaan bermotornya di pintu masuk tempat tersebut bagi membolehkan pemandu meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta terkawal itu. Adalah menjadi tanggungjawab pemandu untuk menjelaskan bayaran caj letak kereta yang ditetapkan di mana-mana stesen bayaran yang ditetapkan atau melalui aplikasi pembayaran dalam talian sebelum keluar dari tempat letak kereta terkawal itu dan hendaklah menjadi tanggungjawab pemandu untuk menunjukkan apa-apa bukti pembayaran menggunakan tempat letak kereta terkawal mengikut kaedah bayaran yang ditetapkan sekiranya diminta berbuat sedemikian.

(3) Mana-mana orang yang gagal menunjukkan apa-apa bukti pembayaran menggunakan tempat letak kereta terkawal kepada pengendali letak kereta atau gagal menjelaskan bayaran tiket meletak kereta di stesen bayaran yang ditetapkan akibat daripada kehilangan atau kerosakan tiket ketika hendak keluar dari tempat letak kereta terkawal hendaklah dianggap sebagai telah memasuki kawasan tempat letak kereta itu pada waktu ia mula dibuka pada hari berkenaan dan hendaklah membayar kadar bagi tempoh masa yang dikira sehingga waktu keluar.

(4) Mana-mana orang yang keluar dari tempat letak kereta terkawal selepas tempat itu ditutup hendaklah membuat pembayaran letak kereta dengan kadarnya dikira dari waktu ia masuk hingga waktu tempat letak kereta terkawal tersebut ditutup di mana-mana pondok bayaran letak kereta atau di pejabat Majlis atau melalui aplikasi pembayaran dalam talian atau apa-apa medium pembayaran lain yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh meletak kereta. Sekiranya orang tersebut gagal membayar kadar yang ditetapkan dalam tempoh tersebut, orang tersebut hendaklah dikenakan bayaran lebih tiga kali ganda dari kadar bayaran biasa yang boleh dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari selanjutnya.

Kawasan operasi tempat letak kereta berkupon atau berbayar atau tempat letak kereta terkawal

15. Sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis termasuklah sistem kupon letak kereta, sistem aplikasi mudah alih letak kereta pintar, sistem letak kereta terkawal dan apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis hendaklah digunakan apabila meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta berkupon atau berbayar atau tempat letak kereta terkawal yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

Cara bayaran yang ditetapkan oleh Majlis

16. Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta hendaklah menggunakan kupon letak kereta atau aplikasi pembayaran dalam talian atau melalui ejen tempat letak kereta yang sah dilantik oleh Majlis atau syarikat pengendali atau apa-apa medium pembayaran lain yang ditetapkan oleh Majlis dalam masa-masa terkawal mengikut kadar bayaran dan jenis tempat letak kereta yang ditetapkan sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Perintah ini bagi apa-apa tempoh yang dikehendakinya.

Pengeluaran kupon letak kereta

17. Majlis atau pengendali letak kereta boleh mengeluarkan dan menjual kupon letak kereta kepada mana-mana orang yang membayar bayaran yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama.

Peraturan-peraturan dan syarat-syarat bagi menggunakan kupon letak kereta, aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis

18. (1) Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta atau aplikasi mudah alih letak kereta pintar yang dikeluarkan atau disediakan oleh Majlis atau pengendali letak kereta atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis atau apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis untuk meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta hendaklah mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dinyatakan di bawah subperintah (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Peraturan-peraturan dan syarat-syarat menggunakan petak letak kereta orang kurang upaya

19. (1) Mana-mana orang yang menggunakan petak letak kereta orang kurang upaya hendaklah memiliki Kad OKU atau salinan kad yang telah dikeluarkan menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*] dan Kad OKU atau salinan kad itu hendaklah diletakkan di atas papan pemuka kenderaan bermotor itu.

(2) Mana-mana orang adalah tidak dibenarkan untuk meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta orang kurang upaya melainkan kenderaan bermotor itu digunakan oleh orang kurang upaya atau bagi tujuan membawa orang kurang upaya.

(3) Mana-mana orang kurang upaya yang meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta orang kurang upaya hendaklah membuat bayaran caj letak kereta yang ditetapkan dalam Jadual Pertama sama ada menggunakan kupon letak kereta atau melalui aplikasi pembayaran dalam talian atau apa-apa medium pembayaran lain yang ditetapkan oleh Majlis bagi apa-apa tempoh yang dikehendakinya.

(4) Mana-mana orang yang menggunakan petak letak kereta orang kurang upaya hendaklah mematuhi sebarang peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis berhubung penggunaan petak letak kereta orang kurang upaya.

(5) Mana-mana orang yang gagal mematuhi subperintah (2) dan (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikompaun dan hendaklah membayar kepada Majlis sejumlah bayaran seperti yang dinyatakan dalam Notis Kesalahan serta Tawaran Kompaun dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh notis itu dikeluarkan.

Tempat-tempat meletak kenderaan bermotor

20. Pemandu atau pemunya kenderaan bermotor yang menggunakan kupon letak kereta atau aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis boleh meletakkan kenderaan bermotornya di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta kecuali di petak letak kereta bermusim atau tempat letak kereta terkawal atau petak letak kereta sementara atau petak letak kereta khas mengikut tempoh masa yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di kupon letak kereta atau aplikasi mudah alih letak kereta pintar tersebut.

Cara mempamerkan kupon letak kereta

21. (1) Pemandu atau pemunya kenderaan bermotor, yang menggunakan kupon letak kereta di petak letak kereta di tempat letak kereta untuk meletakkan kenderaan bermotor, hendaklah mempamerkan kupon letak kereta di atas papan pemuka kenderaan bermotor dengan menghadap cermin hadapan dan hendaklah memastikan bahawa pandangan Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau pengendali letak kereta yang bertugas tidak dihalang untuk memeriksa kupon letak kereta itu, pada bila-bila masa ketika kenderaan bermotor diletakkan di tempat letak kereta berkupon atau berbayar itu.

(2) Kupon letak kereta yang telah dipinda, diubah, dirosakkan, dilipat atau diconteng adalah tidak sah untuk digunakan.

Cara menggunakan aplikasi mudah alih letak kereta pintar

22. (1) Pemandu atau pemunya kenderaan bermotor boleh memuat turun aplikasi mudah alih letak kereta pintar di gedung aplikasi "*App Store*" atau "*Google Play*" atau "*Huawei AppGallery*" atau apa-apa bentuk aplikasi lain dalam telefon pintar, komputer riba, tablet atau peranti mudah alih yang lain atau apa-apa laman sesawang yang diiktiraf oleh Majlis.

(2) Pemandu atau pemunya kenderaan bermotor yang menggunakan aplikasi mudah alih letak kereta pintar yang meletakkan kenderaan bermotornya di petak letak kereta di tempat letak kereta hendaklah terlebih dahulu melakukan pembayaran melalui aplikasi pembayaran dalam talian dan hendaklah memasukkan apa-apa maklumat yang diperlukan termasuk kawasan kenderaan bermotor itu diletakkan, nombor pendaftaran kenderaan, tempoh masa meletak kenderaan bermotor dan pilihan bayaran dalam aplikasi pembayaran dalam talian bagi membolehkan pengguna meletakkan kenderaan bermotor di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta.

Pengiraan masa meletak kenderaan bermotor

23. (1) Di mana dua atau lebih kupon dipamerkan di atas suatu kenderaan bermotor untuk meliputi tempoh masa kenderaan bermotor itu diletakkan di suatu petak letak kereta di tempat letak kereta, masa permulaan yang ditunjukkan di dalam kupon yang kedua atau kupon-kupon yang berikutnya hendaklah bersambung serta-merta selepas tamat tempoh masa kenderaan bermotor itu diletakkan sepertimana yang ditunjukkan di dalam kupon yang terdahulu.

(2) Bagi suatu kenderaan bermotor yang diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta yang menggunakan aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis, tempoh masa meletak kenderaan bermotor adalah tertakluk kepada tempoh masa yang dinyatakan dalam aplikasi mudah alih letak kereta pintar tersebut atau sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis.

Masa permulaan

24. Tiada seorang pun yang boleh mempamerkan atau menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan untuk dipamerkan atau digunakan suatu kupon letak kereta atau aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis ke atas sesebuah kenderaan bermotor di mana masa permulaan meletak kenderaan bermotor itu menunjukkan ia lebih lewat daripada masa sebenarnya apabila kenderaan bermotor itu diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta.

Kesalahan terus-menerus meletak kenderaan bermotor setelah tamat tempoh

25. Mana-mana orang yang terus-menerus meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta berkupon atau berbayar setelah tamat tempoh kupon letak kereta yang dipamerkan di kenderaan bermotor atau setelah tamat tempoh masa penggunaan aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis yang meliputi jumlah bayaran atau tempoh masa yang ditetapkan atau telah melebihi tempoh masa yang ditetapkan adalah melakukan satu kesalahan.

Pas bulanan

26. (1) Yang Dipertua boleh mengeluarkan atau mengarahkan mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan bagi pihaknya suatu pas bulanan dalam bentuk yang ditentukan olehnya dengan kadar bayaran tidak melebihi tiga ratus ringgit (RM300.00) sebulan, dan pas bulanan itu, apabila dikeluarkan akan membolehkan kenderaan bermotor yang menggunakan pas bulanan tersebut diletak di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta kecuali di petak letak kereta bermusim atau petak letak kereta khas atau petak letak kereta orang kurang upaya, tanpa dikenakan apa-apa kadar bayaran tambahan.

(2) Yang Dipertua boleh mengeluarkan atau mengarahkan mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk dikeluarkan bagi pihaknya suatu pas bulanan secara percuma tanpa caj kepada mana-mana orang dalam bentuk yang ditentukan olehnya, dan pas bulanan itu, apabila dikeluarkan akan membolehkan kenderaan bermotor yang menggunakan pas bulanan tersebut diletak di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta kecuali di petak letak kereta bermusim atau petak letak kereta khas atau petak letak kereta orang kurang upaya.

(3) Pemegang pas bulanan hanya boleh mengguna pakai pas bulanan yang dikeluarkan oleh Majlis dalam kawasan Majlis sahaja.

Petak letak kereta bermusim

27. (1) Yang Dipertua boleh meluluskan atau mengarahkan mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan bagi pihaknya suatu permohonan petak letak kereta bermusim dalam bentuk yang ditentukan olehnya dengan kadar bayaran tidak melebihi lima ratus ringgit (RM500.00) sebulan, dan kelulusan petak letak kereta bermusim itu, apabila dikeluarkan akan membolehkan kenderaan bermotor menggunakan petak letak kereta bermusim tersebut yang telah dikhaskan penggunaannya.

(2) Pengguna petak letak kereta bermusim hendaklah mempunyai hak eksklusif pada masa-masa terkawal untuk menggunakan petak letak kereta yang telah dikhaskan sepanjang tempoh sah laku petak letak kereta bermusim tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan di bawah subperintah (3) dan pengguna petak letak kereta bermusim tidak dibenarkan untuk meletakkan apa-apa barang atau benda selain kenderaan bermotor tanpa kelulusan bertulis Yang Dipertua terlebih dahulu.

(3) Pengguna petak letak kereta bermusim hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis. Sekiranya gagal dipatuhi, pihak Majlis boleh membatalkan petak letak kereta bermusim tersebut dan pengguna petak letak kereta bermusim tidak berhak kepada apa-apa kadar bayaran balik yang dibayar di bawah subperintah (1).

Petak letak kereta sementara

28. (1) Yang Dipertua boleh membenarkan atau mengarahkan untuk disediakan suatu petak letak kereta sementara di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai kepada mana-mana orang bagi tujuan perniagaan atau apa-apa tujuan lain untuk suatu tempoh masa yang dibenarkan tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana orang yang dibenarkan untuk menggunakan petak letak kereta sementara hendaklah membayar suatu kadar bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Kelima atau mana-mana perubahan kadar bayaran yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) Pemegang petak letak kereta sementara perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis. Sekiranya gagal dipatuhi, pihak Majlis boleh membatalkan petak letak kereta sementara tersebut dan pemegang petak letak kereta sementara tidak berhak kepada apa-apa kadar bayaran balik yang dibayar di bawah subperintah (1).

Tempat letak kereta tempoh terhad

29. (1) Mana-mana orang boleh meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta tempoh terhad yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Keenam.

(2) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta tempoh terhad hendaklah membayar suatu kadar bayaran letak kereta yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Keenam.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perintah (2) Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Syarat dan sekatan terhadap meletak kenderaan bermotor di tempat letak kereta tempoh terhad

30. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta tempoh terhad hendaklah tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan oleh Majlis seperti berikut:

(*a*) tempoh maksimum penggunaan tempat letak kereta tempoh terhad adalah terhad kepada dua jam sahaja atau apa-apa tempoh maksimum lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa;

(*b*) tiada sebarang pelanjutan tempoh dibenarkan selepas itu dan kenderaan bermotor itu hendaklah segera beredar setelah tamat tempoh dua jam atau apa-apa tempoh maksimum yang telah ditetapkan; dan

(*c*) kenderaan bermotor itu tidak dibenarkan berada di tempat letak kereta tempoh terhad selepas tempoh maksimum yang ditetapkan di bawah subsubperintah (1)(*a*) itu tamat.

(2) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta tempoh terhad melebihi tempoh dua (2) jam atau apa-apa tempoh maksimum lain yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan.

Penguatkuasaan tempat letak kereta tempoh terhad

31. (1) Mana-mana Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua atau pengendali letak kereta atau mana-mana pegawai polis atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahan Yang Dipertua, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh dengan serta-merta menunda, mengalih dan menahan kenderaan bermotor yang diletakkan di tempat letak kereta tempoh terhad bertentangan dengan perintah 29 dan 30.

(2) Mana-mana kenderaan bermotor yang ditunda, dialih dan ditahan di bawah subperintah (1) boleh dibawa ke mana-mana lokasi atau tempat lain yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunya kenderaan bermotor.

Penggantungan penggunaan tempat letak kereta atau petak letak kereta

32. (1) Yang Dipertua boleh menggantung penggunaan sesuatu tempat letak kereta atau petak letak kereta pada bila-bila masa difikirkan penggantungan itu sebagai munasabah perlu—

(*a*) bagi maksud memastikan kelancaran aliran lalu lintas atau memperbaiki tahap keselamatan lalu lintas;

(*b*) bagi maksud apa-apa kerja pembinaan, kerja meroboh atau mengorek yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta atau petak letak kereta atau menyelenggara, memaju atau membina semula tempat letak kereta atau petak letak kereta atau memasang, mendirikan, mengubahkan atau membaiki mana-mana betung atau mana-mana kabel, paip, sesalur atau radas untuk membekalkan air, elektrik atau mana-mana utiliti awam di tempat letak kereta atau petak letak kereta itu atau berdampingan atau yang berdekatan dengannya;

(*c*) untuk memudahkan penduduk-penduduk premis yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta atau petak letak kereta itu pada bila-bila masa hendak mengalih atau menyerahkan barang-barang dari atau ke mana-mana premis itu;

(*d*) pada bila-bila masa yang mungkin disebabkan oleh kerana suatu pertunjukan khas yang mana jalan akan menjadi sesak atau terhalang;

(*e*) bagi memudahkan penduduk-penduduk premis yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta atau petak letak kereta pada masa upacara rasmi atau keagamaan atau peristiwa tertentu yang lain termasuklah majlis perkahwinan atau upacara pengebumian atau peristiwa-peristiwa khas yang lain; atau

(*f*) apa-apa sebab lain sebagaimana difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

(2) Atas sesuatu penggantungan yang dinyatakan di bawah subperintah (1) di atas, mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua bolehlah meletakkan atau mempamerkan suatu notis bagi maksud itu di tempat letak kereta atau petak letak kereta yang berkenaan atau yang berdekatan dengannya dan adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang yang meletakkan apa-apa kenderaan bermotor di tempat letak kereta atau petak letak kereta itu kecuali bagi suatu maksud yang berhubung penggantungan itu dibuat.

(3) Jika mana-mana orang memerlukan penggantungan mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta, suatu permohonan bagi penggantungan itu hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua dengan menyatakan kawasan tempat letak kereta, nombor petak letak kereta dan tempoh penggantungan yang diperlukan. Yang Dipertua boleh mengenakan apa-apa bayaran ke atas orang yang menyebabkan penggantungan itu dengan kadar yang ditetapkan oleh Majlis dan orang itu hendaklah membayar kepada Majlis untuk tempoh penggantungan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(4) Mana-mana orang atau pemilik kenderaan bermotor yang gagal mematuhi arahan penggantungan tempat letak kereta atau petak letak kereta adalah melakukan satu kesalahan dan kenderaan bermotornya boleh ditunda atau dialihkan ke suatu tempat simpanan atau depoh simpanan Majlis atau mana-mana tempat simpanan yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan ditahan di situ atas risiko pemunyanya.

(5) Mana-mana orang atau pemilik kenderaan bermotor boleh menuntut kenderaan bermotornya itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh kenderaan bermotor itu ditahan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada pembayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh Perintah ini atau apa-apa caj yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

Halangan dan pengalihannya

33. (1) Tiada seorang pun boleh—

(*a*) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta; atau

(*b*) meletakkan suatu kenderaan bermotor, menyebabkan, membenarkan mana-mana kenderaan bermotor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di petak letak kereta di tempat letak kereta yang disediakan oleh Majlis.

(2) Pembantu Penguat Kuasa, pengendali letak kereta, warden lalu lintas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua, boleh menunda, mengalih atau menahan mana-mana kenderaan bermotor, motosikal, apa-apa barang atau benda yang—

(*a*) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta;

(*b*) menggunakan mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan;

(*c*) menggunakan tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi mempamerkan kenderaan bermotor untuk dijual; atau

(*d*) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana petak letak kereta khas atau petak letak kereta orang kurang upaya.

(3) Mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda yang telah ditahan dan dialihkan hendaklah disimpan di depoh atau mana-mana tempat simpanan yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(4) Pemunya kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda itu boleh menuntut kenderaan bermotor atau motorsikal atau apa-apa barang atau benda tersebut dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh pengalihan dan penahanan itu daripada Yang Dipertua setelah menjelaskan perbelanjaan mengalih dan menahan kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda itu kepada Majlis.

(5) Yang Dipertua hendaklah tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda itu ketika mengalihkannya dan semasa dalam jagaan Yang Dipertua.

Pelupusan barang atau benda mudah rosak

34. (1) Yang Dipertua boleh, pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa barang atau benda yang mudah rosak yang telah dialih dan ditahan di bawah subperintah 33(2) untuk dilupuskan atau dijual mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan apa-apa hasilnya jika dijual, bolehlah dituntut oleh pemunya apa-apa barang atau benda itu dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pelupusan atau penjualan itu selepas ditolak segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan, penahanan dan pelupusan atau penjualan apa-apa barang atau benda itu.

(2) Jika tiada tuntutan selepas tamat tempoh sepertimana yang dinyatakan di bawah subperintah (1), hasil jualan itu hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Majlis.

Pelupusan kenderaan bermotor, motosikal, barang atau benda yang tidak mudah rosak

35. (1) Pemunya kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda yang tidak mudah rosak yang telah dialihkan dan ditahan di bawah subperintah 33(2), boleh dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pengalihan dan penahanan itu menuntut kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda itu daripada Majlis setelah membayar kepada Majlis semua bayaran dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan dan penahanan itu.

(2) Yang Dipertua boleh menetapkan apa-apa borang dan mengenakan apa-apa syarat bagi membuat tuntutan untuk pelepasan mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda yang ditahan itu.

(3) Selepas tuntutan di bawah subperintah (1) diterima, kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda itu boleh dilepaskan setelah pembayaran fi dibuat bagi pengalihan, penahanan dan apa-apa perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Majlis sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh di bawah Perintah ini.

(4) Jika dalam tempoh tiga (3) bulan tiada tuntutan dibuat berkenaan dengan pengalihan dan penahanan tersebut sepertimana yang dinyatakan di bawah subperintah (1), Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya kenderaan bermotor atau motosikal atau apa-apa barang atau benda itu dijual atau dilupuskan mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Yang Dipertua dan segala hasil yang diperolehi daripadanya hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Majlis.

Kenderaan bermotor atau motosikal dialih selepas dua puluh empat (24) jam

36. (1) Walau apa pun peruntukan subperintah 33(1), jika kenderaan bermotor diletak secara berterusan selama lebih daripada dua puluh empat (24) jam di petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak kereta terkawal atau di petak letak kereta orang kurang upaya setelah tamat tempoh atau pemandu atau pemunya kenderaan bermotor gagal membayar caj letak kereta yang ditetapkan atau gagal mempamerkan kupon letak kereta, kenderaan bermotor itu boleh dialih oleh Pembantu Penguat Kuasa atau pengendali letak kereta atau warden lalu lintas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai polis dari petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak kereta terkawal atau di petak letak kereta orang kurang upaya itu dan ditahan oleh Majlis.

(2) Mana-mana kenderaan bermotor yang dialih di bawah subperintah (1) boleh ditahan oleh Majlis sehingga semua kadar caj letak kereta yang kena dibayar oleh pemandu atau pemunya kenderaan bermotor berkenaan dengan penggunaan petak letak kereta di tempat letak kereta atau tempat letak kereta terkawal atau petak letak kereta orang kurang upaya sehingga masa kenderaan bermotor itu dialihkan daripada tempat itu dan segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis dalam mengalih dan menahan kenderaan bermotor itu hendaklah dijelaskan kepada Majlis.

(3) Mana-mana motosikal yang diletak secara berterusan selama lebih daripada dua puluh empat (24) jam di tempat letak motosikal hendaklah dialih dari tempat letak motosikal itu oleh Pembantu Penguat Kuasa atau pengendali letak kereta atau warden lalu lintas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai polis dan ditahan oleh Majlis. Penunggang atau pemunya motosikal hendaklah menjelaskan semua kadar bayaran yang kena dibayar dan segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis dalam mengalih dan menahan motosikal itu kepada Majlis.

Kenderaan bermotor yang dikecualikan

37. Perintah ini tidaklah terpakai bagi—

(*a*) mana-mana ambulans atau kenderaan bomba atau apa-apa jua kenderaan bermotor yang digunakan oleh tentera, polis atau pejabat pos atau pihak berkuasa yang berkenaan;

(*b*) apa-apa jua kenderaan bermotor yang digunakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau di bawah mana-mana perintah yang mempunyai kuat kuasa mana-mana undang-undang bertulis, untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenai elektrik, air atau lain-lain pekerjaan awam, setakat mana kenderaan itu digunakan untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenainya itu; dan

(*c*) mana-mana kenderaan bermotor yang telah diarahkan ke suatu petak letak kereta di tempat letak kereta yang lain oleh seorang pegawai polis beruniform dalam masa ia menjalankan tugasannya.

Kuasa mengalih dan menahan oleh Yang Dipertua

38. (1) Jika suatu kenderaan bermotor—

(*a*) diletakkan di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta tanpa mempamerkan kupon letak kereta atau tidak mengguna pakai aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau tidak mempunyai pas bulanan atau bukan pengguna petak letak kereta bermusim yang sah melainkan mana-mana kenderaan bermotor yang telah dikecualikan daripada Perintah ini;

(*b*) telah ditinggalkan di petak letak kereta di tempat letak kereta selama lebih daripada dua puluh empat jam (24) jam dan kupon letak kereta atau aplikasi mudah alih letak kereta pintar menunjukkan bahawa tempoh meletak kenderaan bermotor telah tamat; atau

(*c*) melakukan apa-apa yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Perintah ini,

maka Yang Dipertua atau Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua, pengendali letak kereta atau mana-mana Pegawai Polis boleh mengarahkan kenderaan bermotor itu dialihkan dari petak letak kereta di tempat letak kereta itu ke suatu tempat yang selamat dan ditahan di situ sehingga perintah pelepasan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa diterima.

(2) Yang Dipertua atau Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua atau pengendali letak kereta atau mana-mana Pegawai Polis boleh menahan kenderaan bermotor itu sehingga bayaran-bayaran yang ditetapkan bagi tempoh yang tidak dibayar hingga masa kenderaan bermotor itu dialihkan dari petak letak kereta di tempat letak kereta dan segala perbelanjaan yang munasabah dilakukan dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini telah dibayar kepada Majlis.

(3) Yang Dipertua hendaklah tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan kepada kenderaan bermotor itu atau atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan bermotor yang dialihkan dan ditahan oleh Yang Dipertua di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Keselamatan kenderaan bermotor atau motosikal lain

39. Pemandu atau pemilik kenderaan bermotor atau motosikal perlu memandu kenderaan bermotor atau menunggang motosikal dalam keadaan berhemah semasa memasuki atau keluar dari petak letak kereta atau tempat letak motosikal.

Tiada pemulangan lebihan bayaran letak kereta

40. (1) Mana-mana orang yang telah mengeluarkan kenderaan bermotornya dari suatu petak letak kereta sebelum tamat tempoh masa yang dibenarkan untuk meletak kenderaan bermotor itu adalah tidak berhak untuk menuntut apa-apa lebihan bayaran letak kereta yang telah dibayar bagi lebihan masa yang tidak digunakan.

(2) Mana-mana orang yang telah meletakkan kenderaan bermotor di suatu petak letak kereta dan mengeluarkan kenderaan bermotornya dari petak letak kereta itu sebelum tamat tempoh masa yang dibenarkan boleh meletakkan semula kenderaan bermotornya di mana-mana petak letak kereta yang lain kecuali di petak letak kereta bermusim atau petak letak kereta khas atau petak letak kereta orang kurang upaya sehingga tamat tempoh yang dibenarkan. Penggunaan ini dibenarkan hanya dalam kawasan Majlis sahaja.

Larangan membaiki kenderaan bermotor atau motosikal

41. Tiada seorang pun boleh membaiki atau membenarkan mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal dibaiki di suatu petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak motosikal itu.

Larangan mencuci atau membersih kenderaan bermotor atau motosikal

42. Tiada seorang pun boleh mencuci atau membersihkan atau menyebabkan atau membenarkan dicuci atau dibersihkan mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal di petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak motosikal.

Larangan mengarah pemandu untuk meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta tanpa kuasa yang sah

43. Jika mana-mana orang, melainkan dengan kuasa yang sah, berada di tempat letak kereta bagi maksud mendesak mana-mana orang lain berkenaan dengan penjagaan atau pencucian sesuatu kenderaan bermotor, atau bagi sesuatu maksud lain mengarahkan mana-mana pemandu sesuatu kenderaan bermotor untuk meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta itu, adalah melakukan suatu kesalahan.

Kenderaan bermotor tidak bertunggu atau rosak

44. (1) Kenderaan bermotor di suatu petak letak kereta di tempat letak kereta tidak boleh dibiarkan tidak bertunggu melainkan jika kenderaan bermotor itu tidak dapat dialihkan dengan menggunakan brek atau dengan apa-apa cara lain yang mencukupi.

(2) Mana-mana kenderaan bermotor yang rosak tidak boleh ditinggalkan di suatu petak letak kereta di tempat letak kereta tanpa ditunggu dan hendaklah terus dialihkan.

Orang yang dibenarkan berada di petak letak kereta di tempat letak kereta

45. Tiada seorang pun kecuali seorang Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau pengendali letak kereta atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua atau pemunya atau pemandu atau penumpang sesebuah kenderaan bermotor yang meletakkan kenderaan bermotornya di petak letak kereta di tempat letak kereta atau di petak letak kereta orang kurang upaya boleh berada atau tinggal di petak letak kereta atau petak letak kereta orang kurang upaya itu.

Larangan berdagang, berniaga atau berjaja

46. Tanpa kebenaran Yang Dipertua, tiada seorang pun boleh meletak atau menggunakan mana-mana kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta atau motosikal di tempat letak motosikal bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan atau penjajaan.

Larangan meletak iklan jualan di kenderaan

47. Tiada seorang pun boleh meletak atau mempamerkan apa-apa notis atau iklan pada mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal untuk tujuan menjual kenderaan itu semasa kenderaan itu diletakkan di suatu petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak motosikal atau menggunakan kenderaan bermotor atau motosikal yang diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta atau tempat letak motosikal selain untuk tujuan meletak kenderaan bermotor atau motosikal itu.

Tanggungjawab pemunya berdaftar kenderaan bermotor atau motosikal

48. Dalam hal-hal mengenai pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Perintah ini, pemunya berdaftar kenderaan bermotor atau motosikal itu hendaklah dianggap sebagai telah melanggar atau gagal mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu jika orang (iaitu bukannya pemunya berdaftar kenderaan bermotor atau motosikal) yang sebenarnya melanggar atau tidak mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu tidak diketahui atau tidak dijumpai.

Penyediaan papan tanda

49. Yang Dipertua hendaklah menyediakan satu atau beberapa papan tanda di setiap tempat letak kereta yang menunjukkan penguatkuasaan tempat letak kereta berkupon atau berbayar dan boleh mendirikan apa-apa tanda dan isyarat sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk mengarahkan atau mengatur kenderaan bermotor dalam kawasan tempat letak kereta itu.

Pengecualian dari tanggungan atas kehilangan, kerugian atau kerosakan

50. Yang Dipertua atau Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau mana-mana pengendali letak kereta atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua hendaklah dikecualikan dari sebarang tanggungan dan tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan, kerugian atau kerosakan pada mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal atau pada kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal semasa diletakkan di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak motosikal atau dalam menguatkuasakan Perintah ini.

Larangan mengalih notis atau peringatan

51. Tiada seorang pun melainkan seorang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengalihkan atau menyebabkan dialihkan apa-apa notis atau peringatan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau pengendali letak kereta atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua yang ditampalkan pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan bermotor atau motosikal yang mudah dilihat semasa kenderaan bermotor atau motosikal itu diletakkan di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak motosikal.

Kecemasan

52. Dalam keadaan kecemasan, mana-mana Pembantu Penguat Kuasa, warden lalu lintas, pengendali letak kereta atau mana pegawai yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai polis beruniform boleh mengalihkan atau menyebabkan dialihkan mana-mana kenderaan bermotor yang ditinggalkan di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta ke mana-mana tempat yang difikirkan patut.

Kesalahan-kesalahan lain

53. Adalah menjadi kesalahan untuk mana-mana orang yang—

(*a*) meletakkan kenderaan bermotor yang boleh menghalang pili bomba;

(*b*) meletakkan kenderaan bermotor di kawasan kaki lima atau siar kaki;

(*c*) meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta bermusim tanpa kebenaran pemegang pas petak letak kereta bermusim yang sah;

(*d*) meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta selain dari jenis yang ditetapkan;

(*e*) meletakkan kenderaan bermotor di luar petak letak kereta di tempat letak kereta;

(*f*) mempamerkan kupon letak kereta yang tidak sah semasa meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta;

(*g*) meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta khas untuk kegunaan kenderaan bomba atau Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau menghalang atau menyebabkan terhalang pili bomba atau kotak suis Tenaga Nasional Berhad (TNB);

(*h*) meletakkan kenderaan bermotor yang boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana petak letak kereta orang kurang upaya;

(*i*) tanpa kebenaran Yang Dipertua, menggunakan mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi sebarang aktiviti;

(*j*) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta yang padanya diletakkan khemah, tong, roro, bahan binaan, tanjakan atau apa-apa jua barangan di tempat letak kereta atau petak letak kereta itu tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua;

(*k*) meletakkan kenderaan bermotor di mana-mana lorong belakang, bahu jalan, rizab jalan, sisi jalan, mana-mana tanah lapang yang dijadikan tempat letak kereta atau tempat awam yang boleh diakses oleh orang ramai; dan

(*l*) mengutip apa-apa bayaran di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta di luar masa-masa terkawal sepertimana yang dinyatakan dalam ruang (6) Jadual Pertama Perintah ini.

Kuasa untuk mengkompaun kesalahan

54. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah perintah 120(1)(*e*) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini.

Tawaran mengkompaun

55. (1) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dikompaun dan hendaklah membayar kepada Majlis sejumlah bayaran seperti yang dinyatakan dalam Notis Kesalahan Serta Tawaran Kompaun dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh notis itu dikeluarkan seperti yang terkandung di dalam Jadual Keempat dan disampaikan kepadanya oleh Pembantu Penguat Kuasa atau warden lalu lintas atau pengendali letak kereta atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Menteri boleh mengikut budi bicaranya, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana peruntukan Perintah ini dengan mendapatkan bayaran yang amaunnya tidak melebihi daripada yang ditetapkan di bawah subperintah (7).

(3) Pembayaran kompaun hendaklah dibayar dalam bentuk wang tunai, kad kredit atau debit, wang pos, kiriman wang, bank draf atau melalui aplikasi pembayaran dalam talian atau apa-apa medium pembayaran yang diguna pakai oleh Majlis yang dibayar kepada Majlis Perbandaran Pengerang. Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara atau medium lain yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari semasa ke semasa.

(4) Pembayaran boleh dibuat di Ibu Pejabat Majlis atau di mana-mana pejabat cawangan Majlis yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, tetapi jika bayaran dibuat melalui pos, pembayaran tersebut hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pengerang.

(5) Setiap bayaran yang diterima hendaklah dianggap sebagai hasil Majlis dan satu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang menerima tawaran kompaun itu.

(6) Apabila pembayaran jumlah wang tersebut dibuat, tiada tindakan lanjut yang boleh diambil terhadap orang berkenaan mengenai kesalahan tersebut.

(7) Tertakluk kepada jenis-jenis kesalahan, setiap kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini boleh dikompaun dengan bayaran tidak melebihi tiga ratus ringgit (RM300.00).

(8) Sekiranya pada masa mana-mana kesalahan itu dilakukan, pemunya kenderaan bermotor atau motosikal tidak memandu kenderaan bermotor atau menunggang motosikal tersebut, hendaklah menjadi tanggungjawab pemunya kenderaan bermotor atau motosikal itu untuk memberikan kepada Yang Dipertua maklumat dan butir-butir pemandu kenderaan bermotor atau motosikal tersebut dengan secukupnya.

(9) Tertakluk kepada Perintah 57, sekiranya pemandu atau pemunya kenderaan bermotor atau motosikal gagal menjelaskan bayaran sebagaimana dinyatakan dalam Perintah ini dalam masa yang ditetapkan itu, Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh memulakan pendakwaan ke atas pemandu atau pemunya kenderaan bermotor atau motosikal tersebut di mahkamah yang berkenaan.

Penyampaian notis

56. (1) Apa-apa notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen yang dihehendaki supaya diberikan atau disampaikan di bawah Perintah ini, boleh, melainkan jika apa-apa cara penyampaian yang lain ditetapkan, disampaikan kepada pemandu atau pemunya kenderaan bermotor atau motosikal seperti yang berikut:

(*a*) dengan menyerahkan salinan notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen asal secara kendiri kepada orang itu;

(*b*) dengan menampalkan salinan notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen itu di mana-mana bahagian rumah itu yang mudah dilihat atau di mana-mana tempat lain di mana pemandu atau pemunya kenderaan bermotor atau motosikal itu biasanya tinggal;

(*c*) dengan menampalkan salinan notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen itu di mana-mana bahagian kenderaan bermotor atau motosikal pemandu atau pemunya kenderaan bermotor atau motosikal itu yang mudah dilihat; atau

(*d*) dengan menghantar notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen itu melalui pos berdaftar.

(2) Jika suatu notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen itu disampaikan melalui pos berdaftar, ia hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan pada hari yang berikut notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen itu sepatutnya diterima, dalam perjalanan biasa pos, jika notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen itu dialamatkan—

(*a*) dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia, ke pejabat berdaftar syarikat itu;

(*b*) dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia, sama ada kepada individu yang diberi kuasa untuk menerima penyampaian proses di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], di alamat yang difailkan dengan Pendaftar Syarikat atau kepada pejabat berdaftar syarikat itu, di mana juga letaknya; atau

(*c*) dalam hal seorang individu atau kumpulan orang, kepada alamat persendirian yang disimpan dalam daftar Pengarah di bawah seksyen 8 dan 27A Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*].

(3) Jika seseorang yang padanya dialamatkan surat berdaftar yang mengandungi apa-apa notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen yang boleh diberikan di bawah Perintah ini diberitahu tentang hakikat bahawa adanya surat berdaftar untuknya di pejabat pos, dan orang itu enggan atau mengabaikan untuk mengambil surat berdaftar itu, notis, perintah, kompaun atau apa-apa dokumen lain hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepadanya pada tarikh bila orang tersebut dimaklumkan sedemikian.

Pendakwaan

57. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini.

(2) Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Penalti

58. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 72(7) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga ratus ringgit (RM300.00) dan selain dari itu hendaklah membayar kepada Majlis apa-apa bayaran lain yang terhutang dan kena dibayar di bawah mana-mana peruntukan dalam Perintah ini.

Borang bagi Notis Kesalahan serta Tawaran Kompaun

59. Borang dalam Jadual Keempat di bawah Perintah ini hendaklah digunakan bagi membuat suatu Notis Kesalahan serta Tawaran Kompaun tetapi boleh diubah suai sebagaimana yang perlu.

JADUAL PERTAMA

PERINTAH LALULINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2026

TEMPAT LETAK KERETA

[Subsubperintah 3(1)(*a*), perintah 9, 15, 16 dan 17 dan subperintah 53(*l*)]

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Jenis Sistem Letak Kereta	(4) Caj Letak Kereta Yang Ditetapkan	(5) Jenis Tempat Letak Kereta	(6) Masa-masa Dikawal
	Taman Desaru Utama	1. Sistem Letak Kereta Berkupon	Tempat Letak Kereta Berkupon atau Berbayar Masa — Kadar (RM) *Min.* *Mak.* - Setengah jam (1/2 jam) 0.40 3.00 - Satu jam (1 jam) 0.60 5.00	1. Tempat Letak Kereta Berkupon atau Berbayar	Isnin hingga Sabtu - Tempat Letak Kereta Berkupon atau Berbayar — Antara 8.00 pagi hingga 6.00 petang
1.	Jalan Kempas 1	2. Sistem Aplikasi Mudah Alih Letak Kereta Pintar		2. Tempat Letak Kereta Terkawal	- Apa-apa tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa
2.	Jalan Kempas 2	3. Tempat Letak Kereta Terkawal		3. Apa-apa tempat letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis	
3.	Jalan Kempas 3	4. Sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis	Tempat Letak Kereta Terkawal Masa — Kadar (RM) *Min.* *Mak.* - Satu jam (1 jam) atau sebahagian daripadanya 1.00 5.00		- Tempat Letak Kereta Terkawal — Antara 6.00 pagi hingga 11.00 malam
4.	Jalan Kempas 4				
5.	Jalan Kempas 5				
6.	Jalan Jelutong 1				
7.	Jalan Cengal 1				
8.	Jalan Semarak 1				
9.	Laman Selera Desaru Utama Kabin				
10.	Gerai Penjaja Jalan Balau				
11.	Dewan Terbuka Taman Desaru Utama				
	Taman Penawar Harmoni				
12.	Jalan Harmoni 1				
	Taman Permata Penawar				
13.	Jalan Permata 1/1				
	Taman Penawar Sejahtera				
14.	Jalan Sejahtera 10				

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Jenis Sistem Letak Kereta	(4) Caj Letak Kereta Yang Ditetapkan	(5) Jenis Tempat Letak Kereta	(6) Masa-masa Dikawal
	Taman Sri Penawar				
15.	Jalan Dahlia 1				
16.	Jalan Dahlia 2				
17.	Jalan Dahlia 3				
18.	Jalan Dahlia 4				
19.	Jalan Dahlia 5				
20.	Jalan Dahlia 6				
	Taman Mutiara Desaru				
21.	Jalan Dato Jaafar 24				
22.	Jalan Dato Jaafar 24/1				
23.	Jalan Dato Jaafar 24/2				
	Bandar Penawar Lama				
24.	Medan Selera Bandar Penawar & Surau Ar-Rahman				
25.	Tapak Penjaja Pejabat Pos				
26.	Tapak DUTA				
27.	Tempat Letak Kereta Bersebelahan Infinity The Mirror Maze				
28.	Tempat Letak Kereta Dataran Tasik Bandar Penawar				
29.	Tempat Letak Kereta bersebelahan Pejabat KEJORA				
30.	Tempat Letak Kereta Bersebelahan Pejabat Pelancongan KEJORA/ATM Bank Islam				
31.	Tempat Letak Kereta Bersebelahan Dewan Bandaran KEJORA				
32.	Perhentian Bas dan Teksi Bandar Penawar				
33.	Tempat Letak Kereta di Pusat Bandar Penawar				
34.	Pasar Awam Bandar Penawar				

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Jenis Sistem Letak Kereta	(4) Caj Letak Kereta Yang Ditetapkan	(5) Jenis Tempat Letak Kereta	(6) Masa-masa Dikawal
35.	Tempat Letak Kereta di Hadapan Masjid Al-Syifa Bandar Penawar (Jalan Masjid 2)				
	Sungai Rengit				
36.	Jalan Pasar				
37.	Jalan Besar				
38.	Jalan Hee Seng				
39.	Jalan Koon Teck				
40.	Jalan Abu Bakar				
41.	Jalan Kerisi				
42.	Jalan Kurau				
43.	Jalan Jenahak 1				
44.	Jalan Jenahak 2				
45.	Jalan Bawal				
46.	Jalan Tenggiri (Pasar Awam Sungai Rengit)				
47.	Jalan Senangin				
48.	Jalan Siakap				
49.	Jalan Jelawat				
50.	Dataran Sungai Rengit				
51.	Medan Selera Sungai Rengit				
52.	Medan MARA Sungai Rengit				
53.	Laman Selera Sungai Rengit (Pengerang Walk)				
54.	Perhentian Bas dan Teksi Sungai Rengit				
	Taman Rengit Sentral				
55.	Jalan Rengit 1/1				
56.	Jalan Rengit 1 /2				
57.	Jalan Rengit 1				
58.	Jalan Rengit 2				
59.	Jalan Rengit 3				

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Jenis Sistem Letak Kereta	(4) Caj Letak Kereta Yang Ditetapkan	(5) Jenis Tempat Letak Kereta	(6) Masa-masa Dikawal
	Taman Bayu Damai				
60.	Persiaran Bayu Damai 2/1				
61.	Persiaran Bavu Damai 2/2				
	Bukit Pelali				
62.	Jalan Murai				
63.	Jalan Kelicap 1				
64.	Jalan Kelicap 2				
65.	Jalan Kelicap 3				
	Taman Central Oasis				
66.	Jalan Oases 1				
67.	Jalan Oases 2				
68.	Jalan Oases 3				
	Teluk Sengat				
69.	Dataran Teluk Sengat				
70.	Medan Selera Teluk Sengat				
71.	Tempat Letak Kenderaan Awam Teluk Sengat				
72.	Pasar Awam Teluk Sengat				
	Tanjung Buloh				
73.	Dataran Tanjung Buloh				

JADUAL KEDUA

PERINTAH LALULINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2026

TEMPAT LETAK KERETA SEWA ATAU TEKSI

[Subsubperintah 3(1)(*b*)]

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Caj Letak Kereta Sewa atau Teksi Yang Ditetapkan (RM)		(4) Masa-masa Dikawal
		Setengah jam (1/2 jam)	Satu jam (1 jam)	
1.	Perhentian Bas dan Teksi Bandar Penawar	0.40	0.60	24 jam
2.	Perhentian Bas dan Teksi Sungai Rengit	0.40	0.60	24 jam

JADUAL KETIGA

PERINTAH LALULINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2026

TEMPAT LETAK BAS

[Subsubperintah 3(1)(*c*)]

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Caj Letak Bas Yang Ditetapkan (RM)		(4) Masa-masa Dikawal
		Minimum	Maksimum	
1.	Perhentian Bas dan Teksi Bandar Penawar	500.00 sebulan	1,000.00 sebulan	24 jam
2.	Perhentian Bas dan Teksi Sungai Rengit	500.00 sebulan	1,000.00 sebulan	24 jam

JADUAL KEEMPAT

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2026

[Perintah 55 dan 59]

NOTIS KESALAHAN SERTA TAWARAN KOMPAUN

Kepada pemandu/pemunya,

No. Kenderaan : .....

Jenis : ..... Warna : .....

Tarikh : ..... Waktu : .....

Tempat/Jalan : ..... No. Petak : .....

Dengan ini diberitahu kenderaan bermotor atau motosikal tuan/puan telah dilaporkan dengan kesalahan seperti yang berikut:

Peruntukan undang-undang : .....

Perintah : .....

Kesalahan : .....

Jumlah Kompaun : RM .....

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
1.	Meletak, menyebabkan, membenarkan mana-mana kenderaan bermotor yang diletak atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan selain dari tempat letak kereta atau petak letak kereta	Perintah 4	/					30.00
2.	Kenderaan bermotor diletakkan tidak secara keseluruhannya berada di dalam petak letak kereta	Subsubperintah 8(1)(*a*)	/					30.00
3.	Kenderaan bermotor diletakkan tidak mengikut arah lalu lintas	Subsubperintah 8(1)(*b*)	/					30.00
4.	Kenderaan bermotor tidak mematuhi isyarat lalu lintas yang ditunjukkan di tempat letak kereta	Subsubperintah 8(1)(*c*)	/					30.00
5.	Kenderaan bermotor bergerak dan tidak berhenti sebaik sahaja berada di petak letak kereta	Subsubperintah 8(1)(*d*)	/					30.00
6.	Menghalang garisan petak letak kereta yang telah ditandakan	Subsubperintah 8(1)(*e*)	/					30.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
7.	Meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta tanpa membuat bayaran yang ditetapkan	Perintah 9	/					30.00
8.	Meletak motosikal di petak letak kereta selain dari tempat letak motosikal yang telah disediakan oleh Majlis	Subperintah 11(1)		/				30.00
9.	Meletakkan suatu kenderaan yang bukan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta	Subperintah 13(2)		/				30.00
10.	Gagal mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan petak bermusim atau petak letak kereta sementara	Subperintah 13(3)		/				30.00
11.	Tidak mempamerkan kupon letak kereta yang dikeluarkan oleh Majlis atau syarikat pengendali di atas papan pemuka kenderaan bermotor semasa meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta	Subperintah 13(4)	/	/				30.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
12.	Gagal melengkapkan maklumat yang tepat ke dalam aplikasi semasa menggunakan sistem aplikasi mudah alih letak kereta pintar	Subperintah 13(5)	/	/				30.00
13	Gagal mematuhi sebarang peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan pas bulanan atau petak letak kereta bermusim	Subperintah 13(6)	/	/				30.00
14.	Gagal mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis	Subperintah 18(1)	/	/				30.00
15.	Menggunakan petak letak kereta orang kurang upaya dengan tidak memiliki dan tidak meletakkan Kad OKU atau salinan kad OKU di atas papan pemuka kenderaan bermotor	Subperintah 19(1)	/	/				30.00
16.	Meletak kenderaan bermotor di petak letak kereta orang kurang upaya selain dari kenderaan bermotor milik orang kurang upaya	Subperintah 19(2)	/	/				30.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
17.	Gagal melakukan bayaran yang ditetapkan semasa meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta orang kurang upaya	Subperintah 19(3)	/	/				30.00
18.	Gagal patuh sebarang peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan petak letak kereta orang kurang upaya	Subperintah 19(4)	/	/				30.00
19.	Tidak mempamerkan kupon letak kereta di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan kenderaan bermotor atau menghalang pandangan semasa pegawai bertugas menjalankan pemeriksaan	Subperintah 21(1)	/	/				30.00
20.	Meminda, mengubah, merosak, melipat atau menconteng kupon letak kereta	Subperintah 21(2)	/	/				100.00
21.	Masa mula mempamerkan kupon letak kereta atau aplikasi mudah alih letak kereta pintar atau apa-apa sistem letak kereta yang ditetapkan oleh Majlis lebih lewat daripada masa sebenarnya	Perintah 24	/	/				100.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
22.	Meletakkan kenderaan bermotor melebihi had masa yang ditetapkan	Perintah 25	/	/				30.00
23.	Mengguna pakai pas bulanan percuma di petak letak kereta bermusim atau petak letak kereta khas atau petak letak kereta orang kurang upaya	Subperintah 26(2)			/			100.00
24.	Mengguna pakai pas bulanan yang bukan dikeluarkan oleh Majlis	Subperintah 26(3)			/			100.00
25.	Tidak mempunyai kelulusan petak bermusim yang membolehkan kenderaan bermotor yang menggunakannya diletak di petak letak kereta bermusim yang telah dikhaskan penggunaannya	Subperintah 27(1)			/			100.00
26.	Pemegang petak pas petak letak kereta bermusim gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis	Subperintah 27(3)			/			100.00
27.	Gagal melakukan bayaran suatu kadar bayaran yang ditetapkan semasa meletakkan kenderaan di tempat letak kereta tempoh terhad	Subperintah 29(2)	/	/				30.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
28.	Meletakkan kenderaan bermotor di tempat letak kereta tempoh terhad selepas tempoh maksimum yang ditetapkan tamat	Subsubperintah 30(1)(*c*)		/				30.00
29.	Menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta	Subsubperintah 33(1)(*a*)				/		100.00
30.	Meletakkan kenderaan bermotor, menyebabkan, membenarkan mana-mana kenderaan bermotor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan selain di petak letak kereta di tempat letak kereta yang disediakan oleh Majlis	Subsubperintah 33(1)(*b*)				/		30.00
31.	Menggunakan mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan	Subsubperintah 33(2)(*b*)				/		100.00
32.	Menggunakan tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi mempamerkan kenderaan bermotor untuk jualan	Subsubperintah 33(2)(*c*)				/		30.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
33.	Menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana petak letak kereta khas atau petak letak kereta orang kurang upaya	Subsubperintah 33(2)(*d*)				/		100.00
34.	Meletak kenderaan bermotor atau motosikal secara berterusan selama lebih daripada 24 jam atau pemunya atau pemandu kenderaan bermotor gagal membayar bayaran caj letak kereta yang ditetapkan	Subperintah 36(1)				/		30.00
35.	Membaiki atau membenarkan dibaiki mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal di petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak motosikal	Perintah 41			/			30.00
36.	Mencuci atau membersihkan atau menyebabkan atau membenarkan dicuci atau dibersihkan mana-mana kenderaan bermotor atau motosikal di petak letak kereta di tempat letak kereta atau di tempat letak motosikal	Perintah 42			/			100.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
37.	Mendesak mana-mana orang lain bagi maksud menjaga atau mencuci kenderaan bermotor atau mengarahkan mana-mana pemandu meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta	Perintah 43				/		100.00
38.	Membiarkan kenderaan bermotor tidak bertunggu di petak letak kereta di tempat letak kereta	Perintah 44				/		30.00
39.	Berada atau tinggal di petak letak kereta di tempat letak kereta atau di petak letak kerata orang kurang upaya	Perintah 45					/	30.00
40.	Menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan atau penjajaan di petak letak kereta di tempat letak kereta tanpa kebenaran Yang Dipertua	Perintah 46						100.00
41.	Mengalihkan atau menyebabkan dialihkan apa-apa notis atau makluman peringatan yang dikeluarkan dan ditampal pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan bermotor atau motosikal	Perintah 51					/	30.00
42.	Meletakkan kenderaan bermotor yang boleh menghalang pili bomba	Subperintah 53(*a*)	/	/				100.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
43.	Meletakkan kenderaan bermotor di kawasan kaki lima atau siar kaki	Subperintah 53(*b*)	/	/				100.00
44.	Meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta bermusim tanpa kebenaran pemegang petak letak kereta bermusim yang sah	Subperintah 53(*c*)	/	/				100.00
45.	Meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta selain dari jenis yang ditetapkan	Subperintah 53(*d*)	/	/				100.00
46.	Meletakkan kenderaan bermotor di luar dari petak letak kereta di tempat letak kereta	Subperintah 53(*e*)	/	/				30.00
47.	Mempamerkan kupon letak kereta yang tidak sah semasa meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta di tempat letak kereta	Subperintah 53(*f*)	/	/				100.00
48.	Meletakkan kenderaan bermotor di petak letak kereta khas untuk kegunaan kenderaan bomba atau Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau menghalang atau menyebabkan terhalang pili bomba atau kotak suis Tenaga Nasional Berhad (TNB)	Subperintah 53(*g*)	/	/				100.00

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERINTAH	KERETA	SELAIN DARI KERETA	PAS BULANAN DAN PETAK LETAK KERETA BERMUSIM	HALANGAN	LAIN-LAIN KESALAHAN	KADAR KOMPAUN (RM)
49.	Meletakkan kenderaan bermotor yang boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana petak letak kereta orang kurang upaya	Subperintah 53(*h*)	/	/				100.00
50.	Menggunakan mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi sebarang aktiviti tanpa kebenaran Yang Dipertua	Subperintah 53(*i*)			/			100.00
51.	Menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi apa-apa barangan yang diletakkan di tempat letak kereta atau petak letak kereta tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua	Subperintah 53(*j*)				/		100.00
52.	Meletakkan kenderaan bermotor di mana-mana lorong belakang, bahu jalan, rizab jalan, sisi jalan, mana-mana tanah lapang yang dijadikan tempat letak kereta atau tempat awam yang boleh diakses oleh orang ramai	Subperintah 53(*k*)	/	/				100.00
53.	Mengutip apa-apa bayaran di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta di luar masa-masa terkawal	Subperintah 53(*l*)	/	/				300.00

Dikeluarkan oleh : Nombor Pembantu Penguat Kuasa

Nama Pembantu Penguat Kuasa

Tarikh : .....

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan di bawah perenggan 120(1)(*e*) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] dan subperintah 55(1) dan (2), saya dengan ini menawar untuk mengkompaun kesalahan ini dengan bayaran RM ..... Jika tuan/puan menerima tawaran ini, sila jelaskan bayaran tersebut di ibu pejabat atau mana-mana pejabat cawangan Majlis Perbandaran Pengerang.

2. Tawaran mengkompaun kesalahan ini sah selama dua puluh satu (21) hari sahaja dari tarikh notis ini dikeluarkan dan jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh itu, tindakan mahkamah akan diambil terhadap tuan/puan tanpa sebarang notis.

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang

Waktu bayaran kaunter pejabat:

Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari
2.00 petang hingga 4.30 petang

Jumaat : 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
2.45 petang hingga 4.30 petang

Sabtu dan Ahad : Tutup

JADUAL KELIMA

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2026

PETAK LETAK KERETA SEMENTARA

[Subperintah 28(2) dan 32(3)]

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Caj Petak Letak Kereta Sementara Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Hari dan Masa Terkawal	
1.	Mana-mana tempat letak kereta yang dibenarkan oleh Yang Dipertua	**Kadar Bayaran Petak/Hari (RM)** **Minimum** 12.00 **Maksimum** 60.00	Petak Letak Kereta Sementara atau penggantungan petak letak kereta atau tempat letak kereta	**Hari** Setiap hari termasuk hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am atau cuti peristiwa	**Masa** Mengikut tempoh yang dibenarkan

JADUAL KEENAM

PERINTAH LALU LINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2026

TEMPAT LETAK KERETA TEMPOH TERHAD

[Perintah 29]

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Caj Letak Kereta Yang Ditetapkan			(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa-masa Terkawal
	Taman Desaru Utama	**Masa**	**Kadar (RM)** **Min.**	**Mak.**		
1.	Jalan Kempas 1	Setengah jam (1/2 jam)	0.40	3.00	Tempat Letak Kereta Tempoh Terhad	Isnin hingga Sabtu Antara 8.00 pagi hingga 6.00 petang
2.	Jalan Kempas 2					
3.	Jalan Kempas 3	Satu jam (1 jam)	0.60	5.00		
4.	Jalan Kempas 4					
5.	Jalan Kempas 5					
6.	Jalan Jelutong 1					
7.	Jalan Cengal 1					
8.	Jalan Semarak 1					
9.	Laman Selera Desaru Utama Kabin					
10.	Gerai Penjaja Jalan Balau					
11.	Dewan Terbuka Taman Desaru Utama					

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Caj Letak Kereta Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa-masa Terkawal
	Taman Penawar Harmoni			
12.	Jalan Harmmoni 1			
	Taman Permata Penawar			
13.	Jalan Permata 1/1			
	Taman Penawar Sejahtera			
14.	Jalan Sejahtera 10			
	Taman Sri Penawar			
15.	Jalan Dahlia 1			
16.	Jalan Dahlia 2			
17.	Jalan Dahlia 3			
18.	Jalan Dahlia 4			
19.	Jalan Dahlia 5			
20.	Jalan Dahlia 6			
	Taman Mutiara Desaru			
21.	Jalan Dato Jaafar 24			
22.	Jalan Dato Jaafar 24/1			
23.	Jalan Dato Jaafar 24/2			
	Bandar Penawar Lama			
24.	Medan Selera Bandar Penawar & Surau Ar-Rahman			
25.	Tapak Penjaja Pejabat Pos			
26.	Tapak DUTA			
27.	Tempat Letak Kereta Bersebelahan Infinity The Mirror Maze			
28.	Tempat Letak Kereta Dataran Tasik Bandar Penawar			
29.	Tempat Letak Kereta bersebelahan Pejabat KEJORA			

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Caj Letak Kereta Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa-masa Terkawal
30.	Tempat Letak Kereta Bersebelahan Pejabat Pelancongan KEJORA/ATM Bank Islam			
31.	Tempat Letak Kereta Bersebelahan Dewan Bandaran KEJORA			
32.	Perhentian Bas dan Teksi Bandar Penawar			
33.	Tempat Letak Kereta di Pusat Bandar Penawar			
34.	Pasar Awam Bandar Penawar			
35.	Tempat Letak Kereta di Hadapan Masjid Al-Syifa Bandar Penawar (Jalan Masjid 2)			
	Sungai Rengit			
36.	Jalan Pasar			
37.	Jalan Besar			
38.	Jalan Hee Seng			
39.	Jalan Koon Teck			
40.	Jalan Abu Bakar			
41.	Jalan Kerisi			
42.	Jalan Kurau			
43.	Jalan Jenahak 1			
44.	Jalan Jenahak 2			
45.	Jalan Bawal			
46.	Jalan Tenggiri (Pasar Awam Sungai Rengit)			
47.	Jalan Senangin			
48.	Jalan Siakap			
49.	Jalan Jelawat			
50.	Dataran Sungai Rengit			
51.	Medan Selera Sungai Rengit			
52.	Medan MARA Sungai Rengit			
53.	Laman Selera Sungai Rengit (Pengerang Walk)			
54.	Perhentian Bas dan Teksi Sungai Rengit			

(1) Bil.	(2) Kawasan	(3) Caj Letak Kereta Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa-masa Terkawal
	Taman Rengit Sentral			
55.	Jalan Rengit 1/1			
56.	Jalan Rengit 1/2			
57.	Jalan Rengit 1			
58.	Jalan Rengit 2			
59.	Jalan Rengit 3			
	Taman Bayu Damai			
60.	Persiaran Bayu Damai 2/1			
61.	Persiaran Bayu Damai 2/2			
	Bukit Pelali			
62.	Jalan Murai			
63.	Jalan Kelicap 1			
64.	Jalan Kelicap 2			
65.	Jalan Kelicap 3			
	Taman Central Oasis			
66.	Jalan Oases 1			
67.	Jalan Oases 2			
68.	Jalan Oases 3			
	Teluk Sengat			
69.	Dataran Teluk Sengat			
70.	Medan Selera Teluk Sengat			
71.	Tempat Letak Kenderaan Awam			
72.	Teluk Sengat Pasar Awam Teluk Sengat			
	Tanjung Buloh			
73.	Dataran Tanjung Buloh			

JADUAL KETUJUH

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2026

FI PENGALIHAN DAN PENAHANAN

[Subperintah 32(5) dan 35(3)]

Bil.	Jenis Kenderaan, barang atau benda	Fi (RM)			
		Pengalihan (sebuah/seunit)		Penahanan (sebuah/seunit sehari)	
		Minimum	Maksimum	Minimum	Maksimum
1.	Motosikal	50.00	200.00	10.00	50.00
2.	Kenderaan bermotor	250.00	1,000.00	10.00	50.00
3.	Bas, lori yang berat tanpa muatan tidak lebih daripada 3000 kilogram	500.00	2,000.00	30.00	200.00
4.	Tanker, treler dan jenis kenderaan lain yang berat tanpa muatan lebih daripada 3000 kilogram	800.00	4,000.00	50.00	500.00
5.	Barang atau benda	100.00	500.00	10.00	50.00

Dibuat
[MPP. 100-1/11/23]
[SUKJ.KT. 700-1/2/1/9(9);
PPUUNJ. 600-1/2/130(3)]

NORAZMI BIN AMIR HAMZAH
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang

Disahkan 1 April 2026
[Ringkasan Mesyuarat Bil. 771/2026]

ZARINA BINTI ABDUL KADIR
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor